

## **BAB 3 ; PEMIMPIN PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (GERAKAN)**

Walaupun LCE gagal menjadikan UDP sebuah parti bukan perkauman yang kuat, namun, beliau tidak tenggelam bersama parti itu. Beliau bangkit semula dengan semangat berpolitik yang kental dengan menubuhkan GERAKAN, sebagai pusat gerakan politiknya yang baru. Beliau meneruskan konsep kerjasama antara kaum sebagai dasar partinya. Sebagai seorang pemimpin politik yang berpengalaman, LCE melihat Pilihanraya Umum 1969 merupakan peluang terbaik untuk menebuskan maruah politiknya yang tercemar semasa bersama UDP. Kegigihan dan harapan LCE membawa hasil apabila GERAKAN telah mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya ini di Pulau Pinang.

### **Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN)**

Penglibatan LCE dalam UDP menunjukkan ia adalah satu *turning point* dalam sejarah kerjaya politiknya. Semasa menjadi Presiden MCA, beliau lebih mengutamakan kepentingan masyarakat Cina,<sup>1</sup> namun dalam UDP, hubungan baik antara semua kaum diutamakan oleh LCE, dan corak perjuangan ini terus mendasari kerangka pemikirannya semasa menubuh GERAKAN.

Kekalahan teruk UDP dalam Pilihanraya Umum 1964 khususnya kekalahan semua calon Melayu UDP telah mengukuhkan kedudukan golongan ekstremis Cina yang berpendapat UDP tidak harus mengengahkan imej bukan perkauman. Selain itu, UDP bukan hanya gagal mendapat sokongan komuniti Melayu tetapi pada masa yang sama

---

<sup>1</sup> Sila lihat kepimpinan LCE di MCA dalam bab 2.

gagal menjadi parti yang mewakili golongan bukan Melayu. Keadaan ini memberi tekanan yang kuat pada LCE yang mula merasakan kesukaran UDP bertahan lama.<sup>2</sup> Oleh itu, beliau mula bercita-cita menuju sebuah parti baru.

Pembentukan Konvensyen Perpaduan Malaysia yang mengabungkan semua parti pembangkang telah menyakinkan LCE untuk menuju sebuah organisasi yang berunsur seumpama itu. Bagi LCE, penyatuan parti-parti pembangkang dapat melahirkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu dengan pemberian hak yang samarata kepada semua rakyat Malaysia. Selepas konvensyen ini gagal, LCE berusaha mengadakan satu mesyuarat perhimpunan untuk meneruskan idea tersebut. Mesyuarat ini diadakan di Kuala Lumpur pada 21 Ogos 1967 untuk membincangkan soal penyatuan parti-parti terbabit. Namun, mesyuarat ini gagal kerana parti-parti pembangkang mengutamakan kepentingan diri<sup>3</sup> tetapi ini tidak melemahkan semangat LCE untuk meneruskan usaha itu.

Perpecahan dalam Parti Buruh juga memberi kesempatan kepada LCE menuju sebuah parti bukan perkauman. Golongan moderat yang berpendidikan Inggeris telah keluar dari Parti Buruh kerana parti ini dikuasai oleh golongan berhaluan kiri dan *Chinese Chauvinist* yang berpendidikan Cina. Anggota Parti Buruh ini keluar parti secara besar-besaran selepas rusuhan di Pulau Pinang pada 1967.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> R.K. Vasil, *Politics in a Plural Society*, hlm.304.

<sup>3</sup> Kwong Wah Jih Poh, 19/6/69, SP 45/3232, Vol.8, No.52.

<sup>4</sup> Rusuhan di Pulau Pinang ini berlaku pada 24 November 1967 kerana kejatuhan nilai matawang Malaysia akibat kejatuhan nilai matawang Sterling. Selepas Pilihanraya Umum 1964, Parti Buruh telah mengubah taktiknya dengan sering mengadakan permogokan di jalanraya bagi menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan. Ini telah menyebabkan kerajaan mengambil tindakan memberkas pemimpin-pemimpin parti tersebut, antaranya ialah Lim Kean Siew, Cheah See Kian, *Perubahan dalam Aliran Pemikiran Bangsa Cina di Malaysia*, hlm.115-116.

Oleh itu, LCE telah mengambil peluang ini menghubungi anggota terbabit bagi menyatakan hasratnya, antaranya ialah Dr.Tan Chee Khoon,\* Tan Phock Kin dan V.Veerapan. Selain itu, LCE juga ada mengadakan rundingan dengan DAP dan PAP tetapi parti-parti tersebut tidak berminat untuk bergabung dalam sebuah parti.<sup>5</sup>

Masalah polarisasi kaum bertambah tegang pada pertengahan tahun 60 an apabila Rang Undang-undang Bahasa serta isu Universiti Bahasa Cina hebat diperbahaskan oleh pemimpin-pemimpin parti politik. Tambahan pula, Akta Perhubungan Perindustrian 1967, yang diluluskan pada waktu itu telah menjarakkan lagi jurang persefahaman dalam struktur masyarakat Melayu dengan bukan Melayu yang sedia ada. Bagi mengisi kekosongan yang diwujudkan oleh Parti Sosialis yang telah mengugurkan perjuangan politiknya mengikut lunas-lunas Perlembagaan mereka, LCE bersama-sama sekumpulan akademik Universiti serta pemimpin-pemimpin Parti Buruh dan UDP telah bergabung untuk membentuk sebuah parti pelbagai kaum. Parti ini bertindak sebagai jentera yang berkesan untuk merapatkan hubungan serta jurang perbezaaan antara kaum, di samping sebagai pilihan yang berdaya tarikan serta waras kepada Parti Perikatan yang berkuasa pada masa itu.<sup>6</sup>

Pengisytiharaan kelahiran GERAKAN telah diumumkan pada 24 Mac 1968.<sup>7</sup>

Pengasas parti yang terlibat dalam deklarasi ini adalah Prof.Syed Hussein Al-Attas dari

\* Dr.Tan Chee Khoon dilahirkan pada 4 Mac 1919 di Selangor. Beliau ialah seorang doktor dan ahli politik. Beliau aktif mengkritik kerajaan dalam Parlimen sehingga diberi gelaran Mr.Opposition.

<sup>5</sup> PPP menolak tawaran tersebut kerana berpendapat kesuntukan masa untuk menuhu sebuah parti baru bagi menghadapi pilihanraya 1969. DAP pula menolak kerana ingin mengekalkan ideologi dan identiti parti tersebut selain mengemukakan beberapa syarat untuk menyertai penubuhan GERAKAN. R.K.Vasil, *The Malaysia General Election of 1969*, hlm.18-19.K.Sinnadurai, "The Emergence of Gerakan Rakyat Malaysia in The Political Process : A Case Study of Political , " Latihan Ilmiah, Universiti Malaya,Kuala Lumpur, hlm.28-29.

<sup>6</sup> *Cenderamata Ulangtahun ke 25 Gerakan : Sejarah dan Perjuangannya*, hlm.1-2.

<sup>7</sup> Simbol parti ini terdiri daripada lima batang anak padi dan sebuah segitiga berwarna putih serta berlatarbelakangkan warna hijau. Bendera yang mempunyai lima batang anak padi mewakili lima kaum-Melayu, Cina, India,orang asli dan lain-lain bangsa yang disatukan oleh satu perjanjian yang sama dan

Universiti Singapura yang juga Ahli Parlimen kawasan Batu, Selangor dan Prof. Wang Gang Wu dari Universiti Malaya. Anggota-anggota lain ialah bekas pemimpin Parti Buruh, Dr.Tan Chee Khoon dan V.Veerapan, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia, Dr.J.B.A.Peter serta bekas pemimpin UDP, LCE. Selain itu, LCE juga berusaha mendapatkan sokongan daripada para pemimpin Kesatuan Sekerja kerana kedudukan kosmopolitan mereka dianggap penting dalam penjelmaan satu masyarakat pelbagai kaum yang besar. Ahkirnya, Presiden MTUC ( Malaysian Trade Union Congress ), Yeoh Teck Chye dan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan, V.David telah dibawa masuk oleh LCE ke dalam barisan utama parti.<sup>8</sup>

Walau bagaimanapun, LCE mengambil sikap berhati-hati terhadap penubuhan parti baru ini. Beliau tidak membubarkan UDP secara terburu-buru sebaliknya parti ini dikekalkan buat sementara waktu. Ini kerana LCE masih berasa was-was akibat kegagalan UDP sebelum ini. Parti itu hanya dibubarkan dalam satu Mesyuarat Agung yang diadakan di Pulau Pinang pada 23 Jun 1968. Dalam mesyuarat ini, kata sepakat dicapai sebagai tanda menyokong sepenuhnya penubuhan GERAKAN. Dalam ucapan LCE dalam Mesyuarat Agung ini, beliau berkata :

... dari segi politik dan pengalaman, saya yakin GERAKAN adalah alternatif yang terbaik untuk menggantikan parti pemerintah iaitu Perikatan<sup>9</sup>

---

tanda penyatuan-nasi. 12 biji padi di setiap batang anak padi menandakan kemakmuran, keharmonian dan keadilan serta kesucian sepanjang 12 bulan. 60 biji padi menandakan kitaran pilihanraya iaitu satu penggal pentadbiran untuk mencapai matlamat di atas. Padi emas menandakan kemakmuran. Ho Sooi Beng, "The Gerakan Rakyat Malaysia," hlm.30.

<sup>8</sup> J.P.Ongkili, *Nation Building in Malaysia*, hlm.197. *Straits Echo*, 26/3/68.

<sup>9</sup> Kwong Wah Jih Poh, 20/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52. *Straits Echo*, 27/3/68.

Ini selaras dengan dakwaan GERAKAN bahawa sebab penubuhannya adalah berpunca dari kegagalan Perikatan mengintegrasikan semua kaum, melahirkan pemimpin yang berkaliber, mencipta sebuah masyarakat yang adil dan saksama, membawa keamanan dan keselamatan serta mencipta satu pengagihan peluang dan kekayaan yang saksama kepada rakyat.<sup>10</sup>

Dalam pada itu, LCE cuba menarik sokongan orang Melayu dengan meletakkan parti ini di bawah pimpinan seorang yang berbangsa Melayu untuk memaparkan imej parti bukan perkauman. Prof Syed Hussein Al-Attas telah dipilih sebagai Presiden GERAKAN yang pertama apabila penubuhan parti ini mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan-Pertubuhan pada 25 Mei 1968.<sup>11</sup> Daripada 16 ahli yang dipilih ke dalam Jawatankuasa pro-tem itu, lima ahli adalah orang Melayu. Dalam Jawatankuasa Pusat yang pertama pula, ia terdiri daripada enam orang Melayu termasuk dua wanita, enam orang Cina dan tiga orang India. Jumlah keahlian dianggarkan 1,400 orang dengan 43 cawangan ditubuhkan, kebanyakannya adalah terletak di pusat-pusat bandar yang mempunyai penduduk bukan Melayu.<sup>12</sup> Secara keseluruhannya, parti ini gagal mendirikan cawangan yang banyak kerana sokongan terhadap GERAKAN terhad di kawasan bandar terutama di Singapura dan Pulau Pinang yang terdapat banyak Kesatuan Sekerja, golongan pertengahan yang berpendidikan dan kelas pekerja. Kebanyakan mereka tertarik dengan personaliti Dr.Tan Chee Khoon dan LCE.<sup>13</sup>

Kesungguhan LCE menonjolkan imej GERAKAN sebagai parti bukan perkauman sebenarnya tidak begitu berjaya. Ini kerana kebanyakan pemimpin GERAKAN adalah

<sup>10</sup> K.Sinnadurai, " The Emergence of Gerakan Rakyat Malaysia in The Political Process ", hlm.29.

<sup>11</sup> R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm.161-162.

<sup>12</sup> *Cenderamata Ulangtahun Gerakan ke 25 : Sejarah dan Perjuangannya*, hlm.2.

<sup>13</sup> R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm.163.

berbangsa bukan Melayu seperti LCE, Dr.Tan Chee Khoon dan V.David. Selain itu, pemimpin Melayu yang menganggotai GERAKAN tidak mendapat sokongan kuat daripada masyarakat Melayu yang masih lagi menaruh harapan pada UMNO dan PAS.<sup>14</sup>

Jawatankuasa Sementara GERAKAN dibentuk pada 14 April 1968 dalam satu mesyuarat khas. Ia dipengerusikan oleh Prof.Syed Hussein Al-Attas dan Timbalan Pengerusinya ialah LCE dan Yeoh Teck Chye.<sup>15</sup> Pada 15 April 1968, parti ini telah mengadakan mesyuarat yang pertama di Auditorium MARA, Kuala Lumpur. Pengerusi Sementara GERAKAN telah memberi ucapan mengenai polisi dan objektif GERAKAN :

1. Mencapai (membentuk) sebuah negara yang rakyatnya sama ada lelaki dan perempuan mempunyai mata pencarian yang sewajarnya.
2. GERAKAN yakin peraturan politik paling baik untuk hidup dan berjuang di dalamnya ialah peranan demokrasi berperlembagaan dan berparlimen.
3. Pembahagian kekayaan yang adil dan saksama memerlukan cara-cara penghasilan penting yang tertentu dimiliki oleh masyarakat.
4. GERAKAN berjuang untuk membolehkan petani dan buruh secara perseorangan memiliki tanah yang mencukupi dan penggunaannya secara cekap.
5. GERAKAN akan memberi perhatian istimewa dan menitikberatkan keadaan orang Melayu dan lain-lain rakyat bumiputera yang lemah ekonominya.
6. GERAKAN akan memelihara dan menggalakkan perdagangan dan perusahaan yang bukan monopoli.
7. GERAKAN berjuang untuk mencapai suatu Kebangsaan Malaysia yang lahir dari kaum-kaum yang ada di Malaysia.
8. GERAKAN yakin bahawa hidup berkeluarga itu satu syarat terpenting dalam kehidupan sosial manusia.
9. GERAKAN juga menentang amalan rasuah yang merupakan satu melapetaka memusnahkan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.
10. GERAKAN berpendapat bahawa sesbuah parti itu hendaklah jangan hanya mempersoalkan pilihanraya sahaja. Ia hendaklah mengasuh rakyat dan memberi pimpinan dalam bidang pemikiran.<sup>16</sup>

Dasar-dasar ini memperlihatkan cita-cita LCE dan pemimpin-pemimpin lain untuk menjadikan GERAKAN sebagai parti yang dapat menyatukan rakyat berbilang

<sup>14</sup> Lee Kam Hing, " Three Approaches in Peninsular Malaysian Chinese Politics : The MCA, The DAP and Gerakan ", him 79

<sup>15</sup> Ho Sooi Beng, " The Gerakan Rakyat Malaysia, " him.30.

kaum di negara ini bagi mengatasi masalah perkauman dalam politik. Bagi LCE, perpaduan antara kaum penting bagi menjamin kestabilan politik negara. Sebagai seorang yang pernah menerima pendidikan berasaskan sistem pendidikan di England, LCE mempunyai sikap yang kritikal, terbuka dan dapat memberikan pendapatnya. Keadaan ini menyebabkan beliau menyamakan kedudukan lelaki dan perempuan dalam masyarakat. Beliau yang memandang tinggi kepada ilmu pengetahuan juga mendidik rakyat dengan pemikiran ilmu dan intelektual. Latar belakang keluarga LCE yang mewah dan berpengaruh di Pulau Pinang juga memberikan semangat kehidupan yang positif kepadanya. Beliau melihat sistem kekeluargaan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan seorang insan yang berjaya. Oleh itu, LCE memasukkan unsur kekeluargaan dalam dasar politik GERAKAN. Kehidupan susah yang dilalui oleh LCE semasa berada di China pada 1940an menjadikan beliau mengutamakan soal pembelaan kemunduran ekonomi Melayu dan rakyat miskin yang lain.

Yang jelas, pengalaman hidup yang dialami dan dilalui oleh LCE mempengaruhi cara beliau dan rakan-rakannya yang lain menetapkan dasar dan objektif politik GERAKAN. Ternyata, mereka ingin menuahkan sebuah parti yang menekankan sokongan kepada konsep parti pelbagai kaum, kesederhanaan sosialisme dan demokrasi berparlimen. Malah, LCE mengakui dalam usaha membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni, maju, bertoleransi dan bermaruah,<sup>17</sup> beliau mengenalpasti keadilan dan kesaksamaan dalam pembahagian kekayaan serta pemilikan awan beberapa sumber pengeluaran utama yang tertentu sebagai faktor yang amat penting.

---

<sup>16</sup> Ucapan Prof Syed Hussein Al-Attas, Pengurus Sementara Gerakan di Auditorium Mara, Kuala Lumpur pada 15 April 1968

<sup>17</sup> *Cenderamata Ulangtahun Gerakan ke 25 : Sejarah dan Perjuangannya*, hlm.2

Mengenai pembinaan negara, GERAKAN pimpinan LCE berjanji untuk memperjuangkan sebuah masyarakat kebangsaan Malaysia yang dikenali masyarakat Malaysia yang sedia ada. Penyertaan kerajaan dalam pembentukan masyarakat Malaysia hendaklah dilakukan dengan membanteraskan halangan kepada keharmonian serta pengaliran budaya antara kaum. Kerajaan tidak harus mewujudkan elemen budaya atau terlibat dalam percubaan kepalsuan seperti memperkenalkan pakaian, tarian, serta adat dan istiadat. Sebaliknya menekankan persamaan pengalaman dan kesedaran akan senasib yang serupa harus dianggap sebagai isi kandungan penentu semangat kebangsaan.

Sejak awal-awal lagi, parti ini telah meletakkan dirinya sebagai satu kumpulan personaliti politik bukan perkauman yang berilmu dan bertanggungjawab. Misalnya LCE di Pulau Pinang dan Dr.Tan Chee Khoon di Kuala Lumpur merupakan dua paksi utama yang menjanjikan parti ini satu pandangan nasional. Dengan sumber-sumber manusia yang terhad, ia kemudiannya bertanding dalam Pilihanraya Umum 1969.

Dengan penubuhan GERAKAN, keinginan LCE untuk mengembalikan **keagungannya** dalam dunia politik dapat dilaksanakan. Untuk memastikan GERAKAN mendapat sokongan yang meluas, beliau lebih percaya langkah parti ini terbuka kepada semua kaum untuk menjadi ahlinya. Tindakan LCE menuju GERAKAN bersama dengan bekas pemimpin Parti Buruh dan tokoh akademik bertujuan meneruskan cita-cita politiknya yang tidak kesampaian dalam PR dan UDP. Penerusan ini kerana beliau tetap **yakin** kepada sistem satu parti untuk semua kaum.

## **Kedudukan GERAKAN dalam Pilihanraya Umum 1969**

Tahun 1969 merupakan satu titik peralihan yang paling drastik dalam sejarah perkembangan politik di Pulau Pinang. Ini kerana kejayaan GERAKAN di bawah pimpinan LCE sebagai sebuah parti pembangkang telah memperolehi kemenangan yang besar dalam pilihanraya Negeri tersebut.

Parti-parti politik yang bertanding dalam Pilihanraya Umum 1969 di Malaysia Barat ialah Perikatan, DAP, GERAKAN, PAS dan PPP.<sup>18</sup> Dalam pilihanraya ini, LCE telah berusaha untuk menyatukan parti-parti pembangkang. Ini adalah atas kesedaran beliau bahawa kekalahan teruk dalam pilihanraya 1964 adalah berpunca daripada perpecahan di kalangan parti-parti pembangkang. Oleh itu, LCE berharap melalui kerjasama ini, GERAKAN akan dapat memberi saingan kepada Parti Perikatan dalam pilihanraya ini. Akhirnya, satu persetujuan tiga penjuruh telah dicapai pada Februari 1969 di antara PPP, GERAKAN dan DAP. Dalam persetujuan ini, ketiga-tiga parti ini akan membahagikan bahagian-bahagian pilihanraya berdasarkan populariti parti terbabit. Ini bagi memastikan tidak berlaku persaingan kuasa antara mereka di sesebuah bahagian pilihanraya.<sup>19</sup> Namun kerjasama ini diambil mudah oleh Perikatan.<sup>20</sup> Dalam pakatan ini, kebanyakannya kawasan di Pulau Pinang diserahkan kepada GERAKAN, kawasan-kawasan Selangor pula dibahagikan antara GERAKAN dan DAP. Manakala Negeri Sembilan,

---

<sup>18</sup> Dua buah parti politik iaitu Parti Buruh dan Parti Rakyat bertindak memulaukan pilihanraya ini. J.P.Ongkili, *Nation Building in Malaysia 1946-1974*, hlm.199.

<sup>19</sup> Parti PAS tidak menyertai persetujuan ini kerana enggan bekerjasama dengan parti-parti pembangkang yang didominasikan oleh kumpulan bukan Melayu. Bagaimanapun, cawangan PAS di George Town kemudiannya berikrar memberi sokongan kepada GERAKAN. Sokongan ini dibuat oleh setiausaha parti iaitu Salim bin Hashim. *Berita Harian*, 9/4/69. K.Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm.21-23.

<sup>20</sup> Perikatan yakin akan menang besar dalam pilihanraya ini kerana penarikan diri Parti Buruh dan terpisahnya Singapura dari Malaysia. Oleh itu, Perikatan beranggapan parti-parti pembangkang yang sedia

Johor dan Melaka diserah kepada DAP,<sup>21</sup> sementara PPP pula berpusat di Perak. Percaturan politik LCE adalah jelas, iaitu GERAKAN akan cuba menawan negeri Pulau Pinang.<sup>22</sup>

Sungguhpun, ini merupakan kali pertama GERAKAN menyertai pilihanraya sejak ditubuhkan pada tahun 1968, namun, parti ini menaruh harapan yang tinggi kepada LCE untuk membawa kejayaan kepada GERAKAN. Sandaran yang diletakkan kepada beliau dapat dilihat apabila GERAKAN mengambil keputusan untuk menamakan 19 calon bagi merebut kerusi Dewan Negeri dan lima calon bertanding bagi kerusi Parlimen di Pulau Pinang. Beliau telah bertanding di kawasan Tanjong bagi merebut kerusi Parlimen dan kawasan Kota bagi kerusi Dewan Negeri.<sup>23</sup> Dalam Pilihanraya Umum sebelumnya, LCE telah mencapai kemenangan di kedua-dua kawasan ini. Ini menunjukkan beliau tidak berganjak untuk bertanding di kawasan-kawasan lain kerana yakin akan mengulangi kejayaan yang dikecapinya dalam pilihanraya sebelum ini.<sup>24</sup> Penyertaan calon-calon GERAKAN yang begitu ramai bagi merebut kerusi Dewan Negeri dan kerusi Parlimen telah menyebabkan parti ini muncul sebagai pesaing yang paling kuat kepada Parti

---

ada disifatkan tidak mampu mengugat kedudukannya. Cheah See Kim, *Perubahan dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia*, hlm.146-147.

<sup>21</sup> R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.207.

<sup>22</sup> Berita Harian, 30/4/69.

<sup>23</sup> Calon GERAKAN yang bertanding merebut kerusi Parlimen di Pulau Pinang ialah Mustapha bin Hussain, Veerappen a/l Veerathan, Gabriel Thomas Selvaraj, LCE, V.David. Manakala, bagi calon GERAKAN yang bertanding bagi kerusi Dewan Negeri ialah Ooi Ah Bee, Ong Yi How, Ooh Chooi Cheng, Harun bin Sirat, Veerapen, Teoh Chung Hor, Khoo Teng Chye, Khoo Soo Giap, Tan Phock Kin, Stewart Denis Connolly, Shaik Ahmad bin Mohamed, LCE, Tan Ghim Hwa, Khoo Kar Por, Teh Ewe Lin, Chelliah a/l Poosary, Wong Choong Woh, Arshad bin Ahmad, Abdul Mulok bin Abu Bakar dan Mustapha bin Hussain. Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*, Surohanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, 1972, hlm.55-56. Parti GERAKAN mengemukakan secara keseluruhannya 37 calon bagi merebut kerusi Dewan Negeri dan 14 calon bertanding untuk kerusi Parlimen dalam pilihanraya ini. R.K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm.73-85.

<sup>24</sup> Straits Echo, 4/5/69, SP45/2119, Vol.9, No.3.

Perikatan di Pulau Pinang yang turut mengemukakan lapan calon bagi kerusi Parlimen dan 24 calon bagi kerusi Dewan Negeri.<sup>25</sup>

Sepanjang musim kempen pilihanraya ini, LCE telah mengemukakan dua isu yang penting untuk menarik undi iaitu pertama, beliau bercita-cita menjadikan semua kawasan di Pulau Pinang sebagai kawasan perdagangan bebas dan memulihkan taraf pelabuhan bebas negeri ini. Kedua, LCE telah melaungkan keyakinannya bahawa hanya GERAKAN yang mampu menjanjikan jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan Provinsi Wellesley akan dibina dalam tempoh lima tahun akan datang.<sup>26</sup> Mengikut LCE :

*We want the Central Government to restore our free port status... we have energy and capability to build it.*<sup>27</sup>

Ternyata, LCE memberikan penekanan kepada usaha GERAKAN untuk memulihkan ekonomi Pulau Pinang yang terjejas teruk sejak berlaku konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia dan penghapusan taraf pelabuhan bebas negeri tersebut. Selain itu, LCE juga berjanji akan mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk Pulau Pinang yang sedang dilanda masalah pengangguran yang meruncingkan.<sup>28</sup> Ini menunjukkan GERAKAN pimpinan LCE lebih mengutamakan soal pembangunan ekonomi negeri daripada perdebatan-perdebatan yang bersifat

<sup>25</sup> Parti PAS menamakan lima calon, DAP dan PPP masing-masing kemukakan tiga calon bagi kerusi Dewan Negeri. *Nanyang Siang Pao*, 10/5/69, SP 45/2120, Vol.10, No.30.

<sup>26</sup> Cita-cita GERAKAN mendirikan jambatan menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar diumumkan oleh LCE dalam satu rapat umum di Ayer Itam pada 11 April 1969. Mengikut LCE: *Kami akan mengatakan bahawa jembatan itu akan menggunakan lebih ramai buruh dari orang-orang yang tinggal di-negeri ini dengan demikian akan memenuhi maksud kami untuk mengadakan lebih banyak pekerjaan. Orang yang menghalang kami membina jembatan ialah Perikatan.* *Berita Harian*, 12/4/69.

<sup>27</sup> *Straits Times*, 9/5/69, SP 45/2120, Vol.10, No.30.

<sup>28</sup> Kadar pengangguran di Pulau Pinang pada tahun 1969 ialah antara 15 hingga 16 peratus. *Malay Mail*, 4/5/69, SP 45/2120, Vol.10, No.30.

perkauman.<sup>29</sup> Tindakan beliau ini berbeza dengan parti-parti pembangkang lain yang namapaknya lebih berminat menjadikan isu-isu sensitif seperti bahasa dan pendidikan sebagai “mainan politik” parti-parti tersebut.<sup>30</sup> Misalnya, PAS telah memperjuangkan kepentingan politik orang-orang Melayu, DAP dan PPP pula mengutamakan kesamarataan hak politik berteraskan konsep ‘Malaysian Malaysia’. Sikap ekstremis ini bagaimanapun telah dikritik oleh Perikatan.<sup>31</sup> Manifesto Perikatan sebaliknya mengutamakan soal-soal perpaduan negara dan kebajikan rakyat.<sup>32</sup>

Di bawah pimpinan LCE, GERAKAN telah mengemukakan manifesto 30 perkara<sup>33</sup> yang tidak bersifat perkauman dan matlamat utamanya adalah menafikan kelebihan suara dua pertiga Perikatan dalam Parlimen yang diperlukan untuk meminda Perlembagaan. Ini dapat dilihat berdasarkan kedudukan parti ini dalam menangani isu bahasa dan pendidikan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja GERAKAN pada Ogos 1968 dan langkah-langkah yang dicadangkan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini iaitu:

<sup>29</sup> G.P.Means, *Malaysian Politics : The Second Generation*, hlm.5.

<sup>30</sup> D.K. Mauzy, *Barisan Nasional : Coalition Government in Malaysia*, Maricon and Sons (M) Sdn, Bhd, Kuala Lumpur-Singapore, 1983, hlm 35.

<sup>31</sup> Perikatan telah menggunakan isu tuntutan Sabah oleh Filipina untuk menarik undi. Selain itu, Perikatan turut mengkritik PAS kerana gagal membawa kemajuan ekonomi di Kelantan. Sejak 1959, DAP dikatakan dikawal dan dimanipulasi oleh pemimpin-pemimpin PAP di Singapura. Tuntutan PPP pula dikatakan akan mengancam kedudukan orang Melayu. R.K.Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm 23-32.

<sup>32</sup> Manifesto Perikatan ialah menyatukan rakyat berbilang kaum, menaikan pendapatan purata rakyat dari \$1000 sebulan kepada \$1500 sebulan, menggalakkan pertumbuhan kilang-kilang perusahaan, hapus kegiatan anasir komunis dan memelihara keamanan negara. *Berita Harian*, 6/5/69.

<sup>33</sup> Manifesto 30 matlamat itu diumumkan oleh Presiden Parti GERAKAN, Prof.Syed Hussein Al-Attas. Perkara-perkara yang terkandung dalam matlamat itu ialah, meningkatkan kedudukan bahasa kebangsaan di samping memberikan tumpuan kepada penggunaan bahasa-bahasa etnik lain secara sah di sisi undang-undang, menyokong penubuhan Universiti Kebangsaan di samping Universiti Merdeka supaya terpelihara penggunaan dan pengajian bahasa Melayu, Cina dan Tamil sampai ke peringkat Universiti, mengatasi masalah kebuluran, penderitaan dan masalah kesihatan di kawasan luar bandar, menghapus segala diskriminasi terutamanya kepada perempuan, menghapus masalah kelambatan pentadbiran dan masalah mendapatkan hak kerakyatan, menyelesaikan masalah pengangguran, membendung dan mendedahkan amalan rasuah dan melahirkan sebuah masyarakat yang demokrasi. *Berita Harian*, 6/4/69.

1. Memperbesarkan Universiti Malaya dan mempercepatkan penubuhan Universiti Penang.
2. Menambahkan pengambilan pelajar dari aliran sekolah Melayu, Cina dan India ke dalam Universiti Malaya.
3. Memberikan pengesahan kepada Sijil Peperiksaan Sekolah dan Sekolah Tinggi dalam bahasa Cina dan India.
4. Pembinaan lebih banyak sekolah dan kolej dalam bahasa kebangsaan bagi menyerap pelajar yang semakin bertambah...<sup>34</sup>

Ini menunjukkan bahawa dari segi pendidikan dan kebudayaan, parti ini telah berjanji untuk menegakkan status dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama memberi legitimasi kepada penggunaan bahasa-bahasa etnik yang lain. Ini selaras dengan pendekatan LCE yang sederhana dan mengutamakan kerjasama antara kaum bagi menghormati dan menegakkan Perlembagaan Malaysia.<sup>35</sup> Di bawah slogan " Persamaan, Keadilan dan Peluang-peluang yang saksama untuk semua ", LCE menjadikan manifesto parti ini dengan teguhnya mengisyiharkan sokongannya kepada demokrasi dan mematuhi prinsip kedaulatan undang-undang. Beliau berjanji untuk menubuhkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu dan sepandangan. Bagi memperbaiki ekonomi yang kurang baik di bawah kerajaan Perikatan, ia menawarkan untuk melindungi hak-hak pekerja dan petani untuk membentuk organisasi dan proses tawar-menawar secara kolektif serta mendesak satu jaminan sosial dan bantuan nasional untuk rakyat di bandar dan kawasan luar bandar.<sup>36</sup>

Sebagai seorang pemimpin utama GERAKAN, LCE menjalankan kempennya dengan mengadakan rapat umum di seluruh Pulau Pinang. Antaranya ialah Ayer Itam, Kepala Batas, Bukit Mertajam, Padang Dato Kramat dan Tasik Glugor. Rapat Umum

<sup>34</sup> Raj Vasil, *Tan Chee Khoon : An Elder Statesman*, hlm 116-117.

<sup>35</sup> *Malayan Thung Pao*, 13/5/65

<sup>36</sup> *Cenderamata Ulangtaun ke 25 Gerakan : Sejarah dan Perjuangannya*, hlm 5.

yang diadakan itu telah dihadiri oleh ramai penyokong GERAKAN.<sup>37</sup> Perkembangan yang positif ini menaikkan semangat LCE untuk menawan negeri Pulau Pinang.<sup>38</sup>

Untuk menguatkan hujahnya, LCE tidak menyentuh isu-isu sensitif semasa berkempen, tetapi beliau banyak mengkritik corak pemerintahan Parti Perikatan di Pulau Pinang. Beliau mendakwa Perikatan tidak menggunakan wang rakyat dengan cermat<sup>39</sup> dan gagal membendung kenaikan harga barang yang melambung tinggi sehingga membawa kesusahan hidup kepada mereka yang berpendapatan kecil. Menurut LCE :

*Consequently, the policies have inflicted hardships upon the low-income brackets. Alliance industrialization is making the rich richer, and the poor poorer.*<sup>40</sup>

Bagaimanapun, kata-kata LCE ini telah dinafikan oleh calon MCA iaitu T.H.Tan yang menyatakan dakwaan beliau ini sekadar ingin mendapatkan simpati masyarakat.<sup>41</sup>

Sebagai sebuah parti yang juga mengharapkan sokongan padu daripada orang Cina yang merupakan majoriti penduduk negeri Pulau Pinang, MCA dan UMNO, dua anggota utama Perikatan telah membidas dasar ekonomi LCE dan GERAKAN yang ada dalam manifestonya.<sup>42</sup> Cawangan MCA di Pulau Pinang secara terbuka memberitahu penduduk negeri itu bahawa Kerajaan Pusat berkemungkinan besar tidak akan

<sup>37</sup> Seramai 5000 orang telah menghadiri rapat umum di Padang Dato Kramat. *Berita Harian*, 14/4/69.

<sup>38</sup> *Berita Harian*, 18/4/69.

<sup>39</sup> *Straits Times*, 30/4/69, SP45/2119, Vol.9, No.3.

<sup>40</sup> Ini berikutan berlaku kenaikan harga beras \$ 53.86 sebeg. harga gula 30 sen sekati, tepung gandum 8 ringgit sebeg dan fodder \$ 16.50 ringgit sebeg. *Straits Times*, 2/5/69, 5/5/69, SP45/2119, Vol.9, No.3.

<sup>41</sup> *Straits Times*, 3/5/69, SP45/2119, Vol.9, No.3.

<sup>42</sup> Dasar ekonomi yang dihasilkan oleh LCE dan GERAKAN ialah merangkakan rancangan bagi membina jambatan menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar, mengawal harga tanah di dalam kawasan yang sesuai untuk membina kilang, mendesak Kerajaan Pusat menyegerakan pembinaan lebuh raya Timur-Barat, menubuhkan kawasan-kawasan perdagangan bebas di tempat yang sesuai dalam negeri dan menggalakkan perusahaan-perusahaan kecil ditubuhkan di kawasan dekat kampung di mana tenaga murah boleh didapati. *Berita Harian*, 8/4/69.

meminjamkan wang kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembinaan jambatan menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar jika GERAKAN berjaya mentadbir Pulau Pinang. Sebaliknya penduduk negeri itu akan mendapat banyak faedah jika terus memberi sokongan kepada pemerintahan Perikatan.<sup>43</sup> Dalam satu sidang akhbar di ibu pejabat Perikatan negeri di Dato Kramat Road pada 16 April 1969, pemimpin UMNO, Tun Abdul Razak pula berkata :

Hanya Kerajaan Pusat yang boleh melaksanakan projek-projek pembangunan dan Kerajaan Negeri tidak mungkin dapat melakukan semua ini. Kalau sa-buah parti lain menguasai Pulau Pinang, yang tuan-tuan akan dapat ialah pertentangan dan ta'ada ada satu pun yang akan dilaksanakan. Kerana itu, adalah membuang masa bagi ra'ayat untuk mengundi GERAKAN kerana Kerajaan Negeri tidak boleh membina jembatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan tanah besar seberang, membina jalanraya Timor-Barat dan menjadikan Pulau Pinang sa-buah pusat pelanchongan dan sa-buah pelabuhan besar. Ra'ayat Pulau Pinang akan menyesal nanti kalau mereka mengundi pehak pembangkang kerana semua harapan mereka akan kechewa.<sup>44</sup>

Sungguhpun kata-kata MCA dan UMNO itu memberi tekanan politik kepada LCE,<sup>45</sup> namun, beliau tetap berkeras akan mendesak Kerajaan Pusat meluluskan projek pembangunan yang dirancangkan di Pulau Pinang. Mengikut LCE :

Kami tidak terfikir mereka boleh menghalang kami dari melaksanakannya dan seterusnya menimbulkan keretakan perhubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kami akan menuuhkan sebuah lembaga pembinaan

<sup>43</sup> Berita Harian, 12/4/69.

<sup>44</sup> Berita Harian, 17/4/69.

<sup>45</sup> Berita Harian, 14/4/69.

jembanan negara dan meminta kelulusan dari Kerajaan Federal untuk projek kami itu..<sup>46</sup>

Beliau sebaliknya terus menyeru pengundi-pengundi supaya memberikan undi mereka kepada semua calon parti pembangkang supaya calon parti ini dapat mengawasi dan memerhatikan segala tingkah laku Perikatan di Parlimen serta menafikan penguasaan majoriti dua pertiga Perikatan di Parlimen.<sup>47</sup> Bagaimanapun, LCE sendiri turut menjadi sasaran kritikan Penikatan yang mendakwa beliau tidak mempunyai pendirian politik yang tetap kerana sering bertukar parti bermula dari PR hingga ke GERAKAN.<sup>48</sup>

Mengikut Tun Abdul Razak :

Dalam tahun 1957, beliau mengatakan dia telah ditawarkan jawatan Ketua Menteri tetapi enggan menerimanya. Sekarang dia ingin menjadi Ketua Menteri. Apakah yang sa-benar dikehendakinya.<sup>49</sup>

Dalam menjalankan kempen Pilihanraya Umum 1969 itu, LCE telah berdepan dengan masalah perbalahan kaum. Misalnya pada 24 April 1969, telah berlaku satu peristiwa yang menyedihkan di Jelutong apabila seorang pekerja UMNO telah dibunuhi dengan kejam oleh beberapa orang pemuda Cina yang merupakan penyokong Parti Buruh.<sup>50</sup> Kekacauan ini telah menyebabkan pihak polis menguatkuaskan perintah

<sup>46</sup> Berita Harian, 24/4/69

<sup>47</sup> Straits Times, 30/4/69

<sup>48</sup> Sim Chew Jit Poh, 7/3/69

<sup>49</sup> Berita Harian, 17/4/69

<sup>50</sup> Pada malam itu, terdapat 100 orang anggota Parti Buruh mengadakan mesyuarat di Perak Road. Selepas mesyuarat itu, beberapa orang dari mereka telah pergi ke jalan besar dan menulis cogan kata anti-pilihanraya di jalan itu Encik Kassim bin Omar, Pengawal Penerangan Perikatan Jelutong yang sedang lalu di situ telah diserang oleh mereka. Berita Harian, 26/4/69. Pada 4 Mei 1969, seorang ahli Parti Buruh Malaya iaitu Lim Sun Seng berumur 23 tahun pula telah mati ditembak dalam satu pertempuran dengan polis di Jalan Kepong. Pergaduhan ini berlaku kerana pihak polis meminta sekumpulan pemuda supaya bersurai dari menconteng permukaan jalanraya dengan cogan kata anti-pilihanraya. Bagaimanapun, mereka

berkurung di kawasan itu.<sup>51</sup> Sikap melampau itu tidak dapat disetujui oleh LCE yang bersifat konservatif dan tidak percaya kepada kekerasan dan pemberontakan.

Bagi membuktikan GERAKAN merupakan parti bersifat ‘moderate’, beliau kemudiannya berikrar bersama-sama dengan wakil dari empat parti politik lain iaitu MCA, DAP, PAS dan Parti Rakyat Malaysia dengan memberikan jaminan tidak akan berkempen dengan menggunakan kekerasan dan membangkitkan isu-isu perkauman sehingga boleh menjelaskan keamanan negara di Pulau Pinang.<sup>52</sup>

Sebagai seorang yang bersikap optimistik, LCE yakin GERAKAN akan memenangi 13 hingga 14 kerusi Dewan Negeri dan membentuk kerajaan negeri baru di Pulau Pinang tanpa perlu bekerjasama dengan parti politik lain. Mengikut LCE :

*The GERAKAN will take the state outright. It will capture more than 13 seats, thereby making a coalition unnecessary.*<sup>53</sup>

Bagaimanapun, Wong Pow Nee yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang beranggapan dakwaan LCE ini adalah sekadar impian sahaja kerana beliau yakin Perikatan akan memenangi 17 daripada 24 kerusi Dewan Negeri yang dipertandingkan.<sup>54</sup>

---

enggan bersurai dan membalaas dengan kekerasan, perhimpunan tanpa permit ini menyebabkan polis bertindak kerana kerja polis memang mengelak pergaduhan. *Berita Harian*, 5/5/69.

<sup>51</sup> Ketua Pengawai Polis, Penolong Kanan Pensuruhjaya Albert Mah menguatkuasakan perintah berkurung pada 25 April 1969 di kawasan Jelutong bagi membolehkan pihak polis memburu orang-orang yang membunuh seorang lelaki di Perak Road. Kawasan terlibat ialah Sungai Pinang Road hingga ke laut, Counter Hall Road, Terengganu Road, Hamilton Road, Van Praagh Road hingga Sungai Jelutong, Batu Lanchang, Jelutong Road dan Jalan Bukit Kumbar. Beribu-ribu risalah mengenai perintah berkurung itu telah digugurkan oleh helikopter-helikopter Tentera Udara di-Raja Malaysia di kawasan itu. *Berita Harian*, 26/4/69, *Nanyang Siang Pao*, 10/5/69. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Mahathir Mohamad, *Jalan Ke Puncak*, Pelanduk Publications, Subang Jaya, Selangor, 1999, hlm.6.

<sup>52</sup> Wakil GERAKAN termasuk Mustapha Hussain, Yeap Ghim Guan dan Ooi Kee Saik (DAP), Lim Swee Aun (MCA) dan wakil dari PAS, Parti Rakyat Malaysia. *Straits Times*, 27/4/69. *Straits Times*, 3/5/69.

<sup>53</sup> *Straits Times*, 7/5/69, SP 45/2120, Vol.10, No.30.

<sup>54</sup> *Malayan Thung Pao*, 29/4/69. *Nanyang Siang Pao*, 10/5/69.

Malah, pemimpin Perikatan lain juga percaya GERAKAN pimpinan LCE tidak akan berjaya mencapai kemenangan di Pulau Pinang. Khir Johari, juga Menteri Pelajaran, menegaskan Perikatan mempunyai peluang yang cerah di Pulau Pinang.<sup>55</sup> namun, LCE tetap mempunyai keyakinan penuh dan berkata:

*The Central Government should abide the will of the people if they wanted a new GERAKAN Penang*<sup>56</sup>

Keyakinan LCE ini didasarkannya daripada rekod-rekodnya yang lepas dan pengaruh keluarganya di Pulau Pinang. Keadaan ini mendorong Presiden GERAKAN iaitu Prof Syed Hussein Al-Attas memberi jaminan kepada penduduk Pulau Pinang dalam kempen pilihanraya bahawa LCE akan dilantik sebagai Ketua Menteri baru negeri tersebut sekiranya GERAKAN berjaya menawan Pulau Pinang. Ini kerana beliau berpendapat LCE adalah seorang pemimpin politik yang berkemampuan, berpengalaman dan bijaksana.<sup>57</sup>

Beliau dan Dr Tan Chee Khoon telah datang ke Pulau Pinang untuk memberikan sokongan kepada LCE semasa kempen pilihanraya dijalankan. Kedua-dua mereka telah berjanji akan membantu LCE membangunkan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang makmur tanpa bergantung kepada Kerajaan Pusat. Mereka turut melabelkan Wong Pow Nee sebagai seorang yang hanya tahu mengikut telunjuk Kerajaan Persekutuan.<sup>58</sup>

<sup>55</sup> Presiden MCA, Tan Siew Sin yakin semua calon MCA akan menang kerusi Parlimen dan kerusi Dewan Negeri. *Berita Harian*, 13/4/69. Mengikut calon Perikatan, Tan Sri Syed Ja'afar Albar. *Calon GERAKAN mudah ditewaskan*. *Berita Harian*, 7/4/69.

<sup>56</sup> *Straits Times*, 1/5/69.

<sup>57</sup> *Straits Times*, 9/5/69, SP 45/2120, Vol 10, No 30.

<sup>58</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 7/5/69.

Bagaimanapun, pada saat-saat akhir menjelang Pilihanraya Umum 1969, LCE telah mengeluarkan kenyataan yang menggemparkan apabila beliau menegaskan akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk tujuan membangunkan ekonomi Pulau Pinang serta mengeratkan lagi hubungan antara Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Malahan LCE sendiri telah berjanji tidak akan menimbulkan masalah kepada Kerajaan Pusat.<sup>59</sup> Oleh itu, ternyata pendirian LCE ini yang ‘seolah-olah’ memihak kepada Perikatan amat bertentangan dengan polisi GERAKAN sebagai sebuah parti pembangkang. Selain itu, ia turut memaparkan perubahan pendirian politik LCE kerana sebelum ini beliau telah berulang-kali mengkritik pemerintahan Perikatan di Pulau Pinang. Sikap LCE ini akhirnya membawa kepada perpecahan dalam GERAKAN pada tahun 1971.<sup>60</sup>

Perubahan mendadak LCE ini sukar difahami. Tidak ada sebarang bukti mengenai hal ini, sama ada beliau mempunyai pakatan sulit dengan Perikatan atau Tengku Abdul Rahman. Soal ini amat sukar dipastikan kerana sebelum ini tidak terdapat sedikit pun bayangan sikapnya ke arah tersebut. Tambahan pula LCE sendiri enggan ditemuramah oleh penulis. Bagaimanapun, penulis percaya faktor ekonomi merupakan sebab yang paling penting mendorong LCE ingin mendapatkan kerjasama dan bantuan Kerajaan Pusat. Mengikut akhbar *Berita Harian* :

Janji untuk membina jembatan Pulau Pinang menyeberangi selat sa-jauh kira-kira dua batu ka-Butterworth umpamanya ialah janji yang menarik sekali. Tetapi membina sa-buah jembatan bukanlah satu usaha yang mudah. Ia memerlukan belanja yang besar... GERAKAN berjanji akan membina jembatan itu kalau sekiranya ia berkuasa. Perikatan pun

<sup>59</sup> *Straits Echo*, 10/5/69, SP 45/2120, Vol.10, No.30.

<sup>60</sup> Krisis dalam GERAKAN akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 4.

membuat janji itu juga. Dr.Lim Chong Eu, sekarang bersungut kerana Perikatan mengatakan pehak-nya tidak akan menyokong projek itu kalau sekiranya GERAKAN berkuasa di Pulau Pinang. Wang peruntukan projek itu tentunya datang dari Kerajaan Pusat. Tetapi yang menjanjikannya ialah GERAKAN yang tentu dari mula menyedari bahawa kemampuannya tidak ada untuk memenuhi janji itu bahawa projek sa-besar itu hanya dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat.<sup>61</sup>

### Keputusan Pilihanraya Umum 1969

Pilihanraya Umum 1969 telah diadakan pada 10 Mei 1969.<sup>62</sup> Dalam pilihanraya ini, GERAKAN telah mencapai kejayaan yang cemerlang di Pulau Pinang apabila berjaya memenangi lima kerusi Parlimen daripada lapan kerusi yang dipertandingkan dan 16 kerusi Dewan Negeri daripada 24 kerusi dipertandingkan. Kemenangan besar GERAKAN di Pulau Pinang telah membolehkan parti ini membentuk kerajaan di negeri tersebut.

Manakala LCE sendiri telah memenangi kerusi Parlimen di kawasan Tanjung apabila berjaya mengalahkan dua calon yang lain iaitu Chua Teng Siew dari Perikatan dan Khoo Yat See dari PPP. Beliau mencatat kemenangan besar dengan undi majoriti 15160 undi. Jumlah undi ini jauh lebih besar daripada yang diperolehnya pada Pilihanraya Umum 1964 iaitu cuma 4412 undi di kawasan yang sama. Selain itu, LCE turut memenangi kerusi Dewan Negeri bagi kawasan Kota apabila mengalahkan dua calon yang lain iaitu Khaw Kok Chwee dari Perikatan dan Khoo Yat See dari PPP. Beliau mencapai kemenangan dengan undi majoriti 4865 undi berbanding dengan 1128 undi

<sup>61</sup> Berita Hartan, 16/4/69

<sup>62</sup> Nanyang Siang Pao, 10/5/69. Pencapaian penuh GERAKAN dalam Pilihanraya Umum 1969 dapat dilihat dalam lampiran 2

yang diperolehnya dalam Pilihanraya Umum 1964 di kawasan yang sama.<sup>63</sup> Kejayaan berganda yang dicipta oleh LCE dalam pilihanraya di Pulau Pinang telah menunjukkan bahawa pengaruh politik beliau di negeri tersebut cukup terserlah sekali. Malahan suratkhabar Cina iaitu *Malayan Thung Pao* telah menyimpulkan bahawa kejayaan GERAKAN menguasai Pulau Pinang adalah kerana penduduk negeri ini ingin LCE memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang. Ini kerana mereka menaruh harapan yang tinggi kepada beliau untuk membawa kemakmuran kepada negeri tersebut.<sup>64</sup>

Manakala suratkhabar *Straits Echo* pula berpendapat,

*The Alliance depended on their past record, but as an election issue, there was no dynamism in that appeal. The people did not want old history, but something bright to look for in the future.*<sup>65</sup>

Kejayaan GERAKAN ini telah menyebabkan LCE diumumkan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru oleh Presiden GERAKAN, Prof Syed Hussain Al-Attas pada 11 Mei 1969 bagi menggantikan Wong Pow Nee.<sup>66</sup> Populariti LCE dan kemenangan besar itu telah menyebabkan Pulau Pinang menjadi kubu kuat GERAKAN berbanding

<sup>63</sup> Selain itu, GERAKAN juga memenangi dua kerusi Parlimen di Selangor dan satu di Perak. Bagi kerusi Dewan Negeri pula, parti ini memenangi dua kerusi di Kedah, satu di Melaka, satu di Pahang, dua di Perak, empat di Selangor. R.K.Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm.73-96. Di kawasan Tanjong, Chua Teng Siew mendapat 4496 undi dan Khoo Yat See mendapat 775 undi. Manakala di kawasan Kota, Khaw Kok Chwee mendapat 1443 undi dan Khoo Yat See mendapat 262 undi. Calon GERAKAN lain yang memenangi kerusi Parlimen di Pulau Pinang ialah, Mustapha bin Hussain, Veerappen, Gabriel Thomas Selvaraj, V.David,. Manakala, calon GERAKAN memenangi kerusi Dewan Negeri ialah Ooi Ah Bee, Ong Yi How, Ooi Chooi Cheng, Harun bin Sirat, Veerappen, Teoh Chung Hor, Khoo Teng Chye, Tan Phock Kin, Stewart, Tan Ghim Hwa, Khoo Kar Poh, The Ewe Lim, Chelliah, Wong Choong Wah, Mustapha bin Hussain. Malaysia, *Peryata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*, hlm.81-84.

<sup>64</sup> *Malayan Thung Pao*, 1/6/69.

<sup>65</sup> *Straits Echo*, 12/5/69, SP45/2122, Vol.12, No.30.

<sup>66</sup> *Ibid.* Kekalahan Wong Pow Nee ini telah menyebabkan beliau mula secara beransur-ansur berundur dari arena politik tempatan. Beliau kemudiannya dilantik sebagai duta Malaysia ke Itali dari tahun 1970 hingga 1975. Selepas itu, beliau berundur sepenuhnya dari kancan politik. *Kwong Wah Jih Poh*, 4/9/2000.

Perak dan Selangor. Pada keseluruhannya, pilihanraya 1969 menyaksikan kemerosotan Parti Perikatan yang hanya memenangi 66 kerusi Parlimen daripada 103 kerusi yang dipertandingkan. Jumlah ini ternyata merosot berbanding 89 kerusi Parlimen daripada 104 kerusi yang dimenanginya dalam Pilihanraya Umum 1964. Parti-parti pembangkang iaitu GERAKAN, DAP, PPP dan PAS pula memenangi 37 kerusi Parlimen dalam pilihanraya 1969.<sup>67</sup>

Pengaruh Parti Perikatan di Pulau Pinang ternyata begitu lemah kerana parti ini hanya memenangi empat kerusi Dewan Negeri dan dua kerusi Parlimen. Manakala, DAP dan Parti Rakyat masing-masing memenangi tiga dan satu kerusi Dewan Negeri. Yang paling mengejutkan adalah calon MCA gagal sama sekali dalam perebutan kerusi Dewan Negeri ini walaupun parti ini menamakan 12 calon bagi merebut kerusi tersebut. Ini memandangkan majoriti penduduk Pulau Pinang adalah orang Cina. Calon Perikatan yang menang dalam Dewan Negeri adalah dari UMNO.<sup>68</sup>

Bagi LCE, kekalahan teruk MCA adalah disebabkan oleh kegagalan Perikatan menjaga kebijakan rakyat dan memperbaiki kehidupan masyarakat serta tidak dapat mengintegrasikan masyarakat di Malaysia.<sup>69</sup> Malah Presiden GERAKAN, Prof.Syed Hussein Al-Attas sebelum itu telah menjangkakan Parti Perikatan akan hilang dalam pilihanraya yang akan datang.<sup>70</sup> Beliau berkata :

<sup>67</sup> Daripada 37 kerusi Parlimen yang dimenangi itu, GERAKAN menang 8 kerusi, DAP menang 13 kerusi, PPP menang 4 kerusi, PAS menang 12 kerusi. *Straits Times*, 12/5/69, SP/2122, Vol.12. No.30. Untuk maklumat lanjut. Sila lihat R.K.Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm. 85-96.

<sup>68</sup> Mereka ialah Haji Mohamad Nor bin Haji Bakar, Ismail bin Hashim, Haji bin Che Chik, Haji Ahmad bin Haji A.Fahin. Malaysia, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*, hlm.55-56.

<sup>69</sup> *Straits Times*, 12/5/69

<sup>70</sup> *Malayan Thung Pao*, 12/5/69

*The reason for this is the structure of the Alliance leadership will make it impossible to return.*<sup>71</sup>

Kemenangan LCE dan partinya menandakan kemampuan GERAKAN menawan Kerajaan Pulau Pinang dan membuktikan bahawa GERAKAN boleh menggantikan MCA bagi masyarakat Cina yang merupakan majoriti penduduk Pulau Pinang. Kemenangan calon GERAKAN dalam Pilihanraya Umum 1969 di Pulau Pinang kebanyakannya di bahagian pilihanraya yang mempunyai majoriti penduduk Cina seperti Tanjung, Dato Keramat, Seberang Selatan, Seberang Tengah, Penang Selatan dan Ayer Itam. Bagaimanapun, UMNO masih memegang undi orang Melayu di negeri itu kerana calon Perikatan dari UMNO pula mencapai kemenangan di kawasan mempunyai majoriti penduduk Melayu seperti Seberang Utara.<sup>72</sup>

Walau bagaimanapun, LCE dan rakan-rakannya tidak dapat menjalankan tugasnya kerana berlakunya penggantungan demokrasi berparlimen dan bermulanya pemerintahan Majlis Tindakan Negara (MAGERAN) berikutan kejadian 13 Mei 1969.<sup>73</sup>

---

<sup>71</sup> *Straits Echo*, 12/5/69.

<sup>72</sup> Komposisi penduduk di kawasan Tanjung ialah 83.1 peratus orang Cina, 6.1 peratus orang Melayu dan 10.3 peratus orang India dan lain-lain bangsa. Dato Keramat mempunyai 74.8 peratus orang Cina, 15.1 peratus orang Melayu dan 10.1 peratus orang India. Seberang Selatan mempunyai 44.2 peratus orang Cina, 39.9 orang Melayu, 15.9 peratus orang India. Penang Selatan mempunyai 59.8 peratus orang Cina, 34.2 peratus orang Melayu, 6.0 peratus orang India. Seberang Tengah mempunyai 47.4 peratus orang Cina, 44.9 peratus orang Melayu, 15.9 peratus orang India. Ayer Itam mempunyai 77.7 peratus orang Cina, 22.3 peratus orang India dan Melayu. Seberang Utara mempunyai 75 peratus orang Melayu, 21.7 peratus orang Cina dan 3.3 orang India. R.K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm.97-110. *Malayan Thung Pao*, 29/4/69.

<sup>73</sup> Peristiwa 13 Mei tercetus tiga hari sesudah pilihanraya, penyokong-penyokong GERAKAN dan DAP yang bersorak-sorai menjelajahi jalan-jalan raya di Kuala Lumpur. Perarakan balas oleh para penyokong UMNO pada 13 Mei bertukar corak menjadi keganasan yang tidak dapat dikawal di seluruh bandaraya. Rusuhan kaum ini menyebabkan darurat diumumkan di bawah Artikel 150 dalam Perlembagaan. Parlimen dan pilihanraya digantung. Majlis Tindakan Negara ditubuhkan bagi mentadbir negara. Dalam masa dua puluh satu bulan, MAGERAN telah mengusahakan beberapa dasar penting seperti memperbesarkan angkatan bersenjata negara, mempercepatkan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, mengharamkan persoalan mengenai isu-isu sensitif, mengisyiharkan idealogi negara iaitu Rukunegara dan melancarkan Rancangan Malaysia Kedua. Dalam bulan Februari 1971, Parlimen telah berfungsi semula dan MAGERAN dimansuhkan. Syed Ahmad Hussein dan Y.Mansoor Marican (ed),

Insiden ini adalah satu detik hitam dalam sejarah Malaysia dan merupakan kemuncak kekuatan politik perkauman di negara ini. Tun Abdul Razak<sup>74</sup> telah dilantik menjadi pengarah kepada MAGERAN yang bertanggungjawab menguruskan segala urusan pentadbiran negara dan mengendalikan pentadbiran negara sewaktu darurat serta memulihkan keamanan negara.

Jadi, pada kesimpulannya, kemenangan GERAKAN membolehkan LCE membentuk sebuah kerajaan baru di Pulau Pinang dan melemahkan pengaruh MCA buat selama-lamanya. Parti GERAKAN iaitu parti politik ketiga yang ditubuhkan oleh LCE telah membawa tuah kepada kerjaya politiknya. Kemenangannya dalam pilihanraya 1969 juga merupakan satu kenangan manis dalam kerjaya politiknya dan satu pengiktirafan kepada penglibatan politik LCE selama ini. Walaupun usia beliau sudah menccah 49 tahun, namun faktor umur bukan penghalang untuk terus aktif dalam arena politik. Minat yang mendalam dan kegigihan telah menjadi penggerak hidupnya.

---

*Integrasi Politik : Kumpulan Rencana Pilihan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm.68-89. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Goh Cheng Teik, *The May Thirteenth and Democracy in Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971. R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.98-99. Tunku Abdul Rahman, *Sa-belum Dan Sa-lepas Mei 13*, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1967. Leon Comber, *13 May 1969, A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Heinemann, Kuala Lumpur, 1981. Norma binti Said, "Peristiwa 13 Mei 1969 : Kesan terhadap dasar dan perubahan yang dibuat oleh Parti Perikatan sehingga tahun 1979, " .Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95.

<sup>74</sup> Tun Abdul Razak telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970. Beliau menggantikan Tengku Abdul Rahman dan menjadi Perdana Menteri kedua sejak merdeka.